

Pelabur Bumiputera masih belum matang

UM - 5 FEB 2004

KUALA LUMPUR 4 Feb. — Dr. Mahathir Mohamad berkata, kalangan pelabur Bumiputera di negara ini masih belum matang serta masih belum memahami sepenuhnya selok-belok dunia perniagaan.

Bekas Perdana Menteri berkata, sepanjang 20 tahun menjadi Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB), beliau dapati golongan tersebut sentiasa mengharapkan pulangan positif atas pelaburan mereka walaupun keadaan ekonomi tidak begitu baik.

“Mereka nak dividen tinggi walaupun dalam suasana ekonomi yang tidak memberang-

sangkan sedangkan kita semua tahu bahawa tiada satu perniagaan di dunia ini pun yang untung sahaja,” katanya.

Justeru, semua pihak terutamanya akhbar di negara ini perlulah menekankan aspek pendidikan dalam rencana terbitan mereka agar pelabur Bumiputera lebih matang dan dapat meningkatkan ilmu serta pengetahuan mereka dalam bidang ekonomi terutamanya pelaburan.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sebagai memperingati jasa-jasanya sebagai Pengerusi YPB anjuran Permodalan Na-

sional Bhd. (PNB) di Seri Kemangan dekat sini malam ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang membacakan teks ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Pengerusi YPB yang baru.

Selain Rafidah, turut hadir antaranya Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah.

Sementara itu, Abdullah dalam ucapannya berkata, dana-dana PNB kini mendapat peng-

iktirafan dari banyak negara asing yang menunjukkan minat untuk mempelajari mengenai-

nya. “Negara-negara membangun ini berhasrat untuk mengguna pakai infrastruktur yang serupa kerana percaya ia dapat membangunkan ekonomi rakyat serta menjana pertumbuhan negara yang lebih baik,” ujar Abdullah.

Justeru, beliau akan terus berusaha untuk mengekalkan integriti serta keyakinan para pelabur terhadap dana-dana pelaburan PNB, yang kini bernilai RM60 bilion, tambah beliau lagi.